



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**29 Julai 2020**

1. Wanita diserang anjing
2. Diancam anjing liar

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## KERATAN AKHBAR

Tarikh: 29 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	<b>Kosmo</b>	Catatan:
Ruangan	<b>Negara</b>	
M/Surat	<b>13</b>	
Perkara	<b>Kawalan penyakit</b>	



SEORANG wanita mengalami kecederaan selepas diserang seekor anjing di Taman Tanjong Minyak Perdana, Melaka kelmarin.

## Wanita diserang anjing

### Tular

Oleh RIZANIZAM ABDUL HAMID

MELAKA – Seorang wanita diserang seekor anjing belaian penduduk di kawasan perumahan di Tanjung Minyak Perdana di sini kelmarin.

Kejadian pada pukul 9.41 malam itu terjadi semasa mangsa berusia lingkungan 20-an berjalan bersendirian sambil membawa beg plastik di tangan kirinya.

Apabila tiba di lokasi kejadian, seekor anjing meluru dari arah sebuah rumah yang pagarnya terbuka sebelum menyergap mangsa.

Menerusi rakaman sistem televisyen litar tertutup (CCTV), mangsa terpaksa bergelut de-

ngan anjing tersebut lebih seminit.

Seorang penduduk yang mendari kejadian itu kemudian berfindak membuka pintu pagar rumah dan mengundurkan keretanya.

Anjing terabit bagaimanapun masih cuba menyerang mangsa memaksa penduduk tersebut mengejarnya dengan kereta.

Haiwan itu dilihat berlari masuk ke kediaman tuannya sebelum beberapa lagi penduduk dilihat keluar untuk membantu mangsa.

Sementara itu, setakat pukul 3 petang semalam, semakan Kosmo! mendapati, mangsa masih belum membuat sebarang laporan polis.

Difahamkan, mangsa selamat dan mengalami kecederaan di kaki kiri dan tangan kanan.



RAKAMAN CCTV menunjukkan mangsa bergelut dengan seekor anjing di Taman Tanjong Minyak Perdana, Melaka kelmarin.

## KERATAN AKHBAR

Tarikh: 29 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	KOsmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	15	
Perkara	Kawalan penyakit	

# Diancam anjing liar

## Isu Setempat

Oleh NORAINNA HAMZAH

**GEMAS** – Majlis Daerah Tampin (MDT) digesa mengambil tindakan berhubung masalah anjing liar berkeliaran dan mengancam keselamatan penduduk di Taman Damai, Gemas di sini.

Rata-rata penduduk di kawasan tersebut, berasa bimbang terhadap masalah yang telah berleluasa lebih setahun lalu dengan pertambahan bilangan anjing liar sehingga ada penduduk cedera kerana kemalangan.

Kamal Dollah, 50, berkata usahanya untuk mlarikan diri dengan menaiki basikal kerana dikejar sekumpulan anjing liar menyebabkan dia terjatuh dan dirawat di klinik kerana patah tulang rusuk.

Menceritakan kembali insiden yang berlaku pada minggu lalu, Kamal sedang dalam perjalanan ke surau di taman bersebelahan dan sebaik tiba di satu lorong sekumpulan anjing liar terus mengejarnya.

"Mujur penduduk keluar dari rumah dan menyelamatkan saya," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Noor Dris, 49, juga melahirkan ke-



BEBERAPA ekor anjing berkeliaran di rumah penduduk di Taman Damai, Gemas baru-baru ini.

bimbangan yang sama dan telah membuat aduan kepada pihak berkuasa sebanyak dua kali.

Menurutnya, setiap kali aduan dibuat, PBT ada turun padang ke lokasi tetapi masalah anjing liar berkenaan tidak pernah berakhir.

"Kini, ada penduduk terpaksa membawa kayu ketika berjoging di taman kerana bimbang tersebut dengan anjing liar. Kalau

diikutkan, ada lebih 15 ekor anjing liar di sini dan tentunya aktiviti harian kami akan terbatas.

"Oleh itu, kami memohon agar PBT dapat memantau masalah ini dari masa ke masa dan bukan hanya bertindak sebaik sahaja aduan dibuat."

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin, Suhaiza Sharudin gagal dihubungi untuk mengulas lanjut.